

Mahathir seruh pihak2 terlibat dagangan komoditi sentiasa amanah

UM 30 OCT 1985

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru semua pihak yang terlibat dalam dagangan komoditi supaya sentiasa mengamalkan sikap amanah dalam urusan niaga mereka.

Perdana Menteri menyatakan, bursa komoditi bukanlah sebuah kasino atau permainan tetapi merupakan sebahagian penting daripada ekonomi pasaran moden.

"Mereka yang menyertainya mestilah melupakan idea keuntungan kilat. Mereka mesti menganggap penyertaan mereka sebagai satu pekerjaan serius yang memerlukan sifat bertanggungjawab dan amalan beretika," tegasnya semasa berucap merasmikan dewan perniagaan baru Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) serta pelancaran semula pasaran serahan hadapan minyak sawit dan getah di sini pagi ini.

Beliau mengingatkan para peniaga bahawa manipulasi adalah satu kesalahan jenayah yang boleh membawa hukuman penjara dan denda.

"Kami tidak akan bertolak ansur dengan sesiapa pun yang cuba melemahkan pasaran," tegasnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kewibawaan dan amanah merupakan 'ko-

moditi' yang terbesar dalam pasaran seperti itu.

Peraturan dan undang-undang boleh disediakan tetapi kesemua ini tidak akan berfaedah sekiranya seseorang peniaga memang berazam untuk menipu, katanya.

Oleh itu, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, semua orang yang terlibat mestilah diasas dengan teliti, ahli-ahli yang menyeleweng didisiplinkan dan perhatian teliti diberikan kepada setiap aspek urusan niaga untuk mencegah manipulasi.

"Apa yang berlaku dalam pasaran sepanjang 18 bulan lalu harus dianggap sebagai satu peringatan dan pelajaran kepada semua berkenaan tentang betapa pentingnya kewibawaan diamalkan setiap

masa," tegasnya.

Pasaran serahan hadapan komoditi, khususnya minyak sawit, telah terhenti sejak 18 bulan lalu berikutan dengan krisis keyakinan yang muncul April lalu dan perlanggaran kontrak-kontrak serahan oleh beberapa orang peniaga.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, KLCE telahpun memasuki satu era baru dalam dagangan serahan hadapan komoditi dengan pelancaran semula pasaran hari ini.

Beliau menyeru semua pengeluar, pekilang dan peniaga untuk menggunakan pasaran itu sepenuhnya.

Beliau juga berharap pasaran itu akan dapat memenuhi keperluan ran-

tau ASEAN serta para peniaga di seluruh dunia.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan sedar bahawa sebuah pasaran komoditi memerlukan penyertaan antarabangsa agar dapat memainkan peranannya secara lebih berkesan.

Dalam hubungan ini, katanya, kerajaan telah bersetuju membenarkan firma-firma dagangan komoditi antarabangsa untuk menjadi ahli dalam KLCE.

Kerajaan juga bersetuju untuk mengamalkan sikap yang lebih longgar berhubung dengan struktur ekuiti firma-firma itu dengan membenarkan mereka memegang lebih 50 peratus daripada ekuiti.